



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Berita Harian - BR1M Terus Jadi Ikutan Negara Luar

Berita Harian - BR1M Terus Jadi Ikutan Negara Luar

🕒 Jumaat, Dis 22 2017



PIU

BR1M terus jadi ikutan negara luar

➡ Arab Saudi,
Mesir mahu
tiru kaedah
Malaysia
bantu rakyatOleh Noorazura
Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Jitra

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang diperkenalkan sejak 2013, terbukti antara model bantuan terbaik sehingga menjadi ikutan Arab Saudi dan terbaru, Mesir untuk melaksanakan konsep sama.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, berkata ia membuktikan BR1M program yang murni, bukan seperti dituduh pembangkang.

"Arab Saudi mahu meniru model BR1M yang kita laksanakan. Terbaru, saya difahamkan Mesir pula sedang mengkaji secara serius untuk melaksanakan bentuk bantuan ini kepada rakyatnya."

tuan ini kepada rakyatnya.

"Dua negara ini juga negara Islam, jadi tidak ada istilah memberi 'dedak' kepada rakyat seperti tuduhan pembangkang. Takkan rakyat terlahi bodoh, dapat duit akan mudah terpengaruh."

"Ia semua hanya tohmahan, (BR1M) sudah menjadi dasar yang diterima masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah," katanya.

Dua negara turut kaji GST

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Kembali Ke Sekolah Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersama Parlimen Jerlun di Pida 3, di sini semalam.

Othman yang juga Ahli Parlimen Jerlun berkata, Duka Sarang dan Perkhidmatan (GST) akan turut diperkenalkan di dua negara itu tidak lama lagi dan kadarnya dijangka lebih tinggi berbanding Malaysia.

Beliau berkata, model ekonomi Malaysia berada di landasan yang tepat kerana sistem cukai dikenakan kepada mereka yang mampu membeli barang dikenakan GST dan ia dipalangkan semula kepada rakyat kurang berkemampuan.

"Setiap tahun ramai penerima BR1M berjaya keluar daripada senarai penerima bantuan itu. Ia bermakna model ekonomi kita betul," katanya.

Beliau turut meminta rakyat yang layak menerima BR1M mengemaskini segera maklumat mereka, sama ada di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) atau menerusi laman web agensi terbabit.

"Jangan ingat nama kita sentiasa ada dalam rekod, mungkin ada kesilapan teknikal menyebabkan nama tercicir. Bila tercicir nak mengemaskini, tak boleh begitu."

web agensi terbabit.

"Jadi saya harap penerima sebelum ini peka dan dapat mengemaskini maklumat mereka sebelum akhir tahun ini."

Mula BR1M 2018

"Kerajaan akan mula salur BR1M 2018 pada Januari ini bagi meringankan beban ibu bapa membuat persiapan persekolahan anak," katanya.

Terdahulu, Othman menyerahkan bantuan pakaian, beg dan peralatan sekolah bernilai RM40,000 kepada 200 murid dari keluarga kurang berkemampuan sekitar kawasan Parlimen Jerlun.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

